

Nama Murid	Tahun 6
------------	---------



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS GURU BESAR NEGERI JOHOR



UJIAN PERCUBAAN UPSR 2011

BAHASA MELAYU - PENULISAN

012

Julai 2011

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, dan **Bahagian C**.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1**, **Soalan 2** atau **Soalan 3**.
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku soalan.*

Nama Pemeriksa:		
Bahagian	Nombor Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		60

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Bahagian A

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah.

Bahagian B

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

Pilih **satu** daripada tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.

- 1 Kamu mempunyai seorang sahabat yang akrab.

Tulis karangan tentang keistimewaan sahabat kamu itu.

ATAU

- 2 Kamu telah menyertai satu pertandingan syarahan peringkat sekolah. Tajuk syarahan itu ialah "Kebaikan Mengikuti Lawatan sambil Belajar".

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

ATAU

- 3 Kamu pernah mengalami peristiwa yang mencemaskan.

Ceritakan peristiwa tersebut.

Bahagian C

[20 markah]

[Masa yang dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Acara sukan tahunan itu dimulakan dengan perbarisan lintas hormat daripada unit beruniform dan pasukan rumah. Peserta perbarisan berjalan mengikut rentak muzik yang dimainkan sambil mendengar arahan daripada komandan pasukan masing-masing. Kemudian, mereka berhimpun di tengah-tengah padang untuk upacara menaikkan bendera kejohanan dan melafazkan ikrar kejohanan. Mereka berikrar untuk menyertai acara dengan penuh semangat.

Para peserta acara lari 100 meter lelaki bawah 10 tahun berlari dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi juara. Mohamad Lokman bin Samad, olahragawan harapan pada tahun lepas telah berjaya mengulangi kejayaannya sekali lagi. Walaupun demikian, dia tidak mendabik dada.

Kejohanan itu dimeriahkan lagi dengan acara sukaneka murid-murid tahun satu. Setiap kumpulan bersungguh-sungguh membawa bola pingpong dengan menggunakan sudu. Encik Manan bin Selamat, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Seri Cemerlang telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu Negaraku.